

16/01/1997

Undang-undang siber ke Parlimen Mac (HL)

Mustapha Omar in Los Angeles

LOS ANGELES, Rabu - Undang-undang siber bagi melicinkan pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) akan dibentangkan di Parlimen Mac ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Draf undang-undang itu yang meliputi soal harta intelek, tandatangan digital, jenayah komputer, teleperubatan dan kerajaan elektronik siap dirangka dan kini diteliti oleh Kabinet.

Menurut Perdana Menteri, apabila undang-undang itu diluluskan, MSC akan mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap dengan undang-undang sokongan, dasar dan peraturan yang diperlukan.

"Undang-undang ini penting bagi membolehkan syarikat yang beroperasi di MSC dilindungi daripada kegiatan cetak rompak, jenayah komputer dan penipuan," katanya kepada lebih 200 pemimpin industri hiburan di Beverly Hills di sini, hari ini.

Beliau turut berdialog dengan peserta.

Dr Mahathir memberikan contoh Akta Tandatangan Digital yang baru mempunyai rangka kerja pengawasan bagi pengesahan oleh pihak berkuasa dan hukuman berat dikenakan terhadap sebarang penyelewengan siber.

"Selain itu, kita akan menjalankan penguatkuasaan yang lebih agresif terhadap harta intelek dan undang-undang anticitak rompak.

"Sebagai tambahan, kita kini menggubal Akta Penyatuan Multimedia yang boleh menggabung dan memperbaharui undang-undang telekomunikasi, penyiaran dan penerangan berdasarkan perkembangan semasa.

"Kita berharap, undang-undang baru ini diluluskan sebelum akhir tahun ini," katanya.

Undang-undang siber dijangka dapat menggalakkan lebih banyak syarikat teknologi maklumat multinasional membuka cawangan di sini kerana yakin dengan kemantapan kerajaan melindungi pelaburan mereka.

Perdana Menteri juga mengajak karyawan Hollywood menggunakan MSC untuk menghubungkan kreativiti mereka dengan keadaan yang diperlukan bagi melahirkan hiburan berunsur tempatan, sesuai bagi Asia dan seluruh dunia.

Menurutnya, rakyat Asia semakin memilih hiburan yang mementingkan ciri-ciri bahasa, dongengan, watak, muzik, kiasan dan lokasi, manakala MSC boleh menyediakan suasana terbaik di dunia bagi multimedia dan hiburan digital.

Selain itu, MSC boleh menjadi tempat paling sesuai untuk percubaan mewujudkan pusat yang mengandungi pelbagai budaya pertama dunia bagi hiburan digital.

"Hollywood sudah terbukti sebagai pusat penerbitan filem dunia dan dengan bekerjasama, tidak mustahil ia dapat dikembangkan ke lapangan lain seperti permainan atau hiburan interaktif.

"Walaupun teknologi dan maklumat akan bergerak semakin bebas pada dekad akan datang, kreativiti akan terus menjadi sumber yang sukar diperolehi.

"Kerana anda mempunyainya dengan banyak, saya harap kita boleh menghubungkan dan menggunakan sesetengah daripadanya untuk mentakrifkan sempadan pengwujudan kandungan pelbagai budaya dalam era digital," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, bagi mengekalkan penguasaan Hollywood dalam industri hiburan, mereka perlu meluaskan lagi ciri-ciri karya mereka meliputi pusat budaya lain di seluruh dunia.

"Industri hiburan pada masa ini hampir keseluruhannya bercirikan budaya Amerika hingga menyebabkan masyarakat di tempat lain sukar menghayati

ceritanya.

"Mereka sebenarnya hanya tertarik dengan mutu penerbitan yang tinggi dan kesan khas yang digunakan.

"Inilah menyebabkan filem aksi lebih popular di luar Amerika" katanya.

(END)